

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)9

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

9. Projek *Penang South Islands* (PSI).
- (a) Nyatakan setakat ini berapa peratuskah penambakan terhadap pulau tersebut dijalankan.
 - (b) Berapa ramaikah penduduk-penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah dan rumah mereka?
 - (c) Berapakah pampasan yang telah mereka terima?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Jumlah keluasan keseluruhan Pulau Silikon adalah sebanyak 2,300 ekar dan kerja-kerja penambakan terbahagi kepada dua fasa. Fasa 1 melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,260 ekar manakala Fasa 2 akan melibatkan baki 1,040 ekar. Tempoh penambakan akan mengambil masa 10-15 tahun untuk disempurnakan. Setakat 30 April 2025, seluas 150 ekar tanah daripada 2,300 ekar atau hampir 6.5% telah ditambah sejak kerja penambakan bermula pada September 2023 yang lalu.

- (b) Projek tambakan Pulau Silikon tidak melibatkan sebarang pengambilan balik tanah kerana kerja-kerja penambakan dilakukan di kawasan laut. Namun begitu, pembinaan projek lebuh raya Pan-Island Link 2A (PIL2A) Fasa 1 yang menghubungkan Batu Maung dengan Pulau Silikon terlibat dengan proses pengambilan tanah di kawasan Permatang Damar Laut yang melibatkan 13 lot tanah, 17 buah rumah kediaman, 2 premis perniagaan, 1 rumah kebajikan dan 1 rumah ibadat. Pengambilan tanah tersebut telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 8 Mei 2024 dan diwartakan pada 11 Julai 2024 di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.
- (c) Kesemua pemilik / pihak berkepentingan ke atas tanah, struktur dan bangunan telah menerima bayaran pampasan sewajarnya selepas penilaian menyeluruh daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) serta melalui proses siasatan bersama Pentadbir Tanah Daerah pada bulan Disember 2024. Majoriti pihak berkepentingan telah menerima jumlah pampasan melebihi RM1.5 juta bagi setiap lot tanah, manakala tiga (3) individu telah menerima bayaran ex-gratia masing-masing sebanyak RM43,500. Jumlah keseluruhan pampasan yang

terlibat bagi projek PIL2A ini ialah RM24,154,948.73 dan bayaran ex-gratia sebanyak RM130,500.00.